



PERSATUAN IBU BAPA DAN GURU
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TIARA PERMAI
NO.2A, JALAN 2/18A
TAMAN MASTIARA, JALAN IPOH
51200 KUALA LUMPUR

No. Telefon : +603-61794752

No. Faks: +603-62414679

E-mel: pibgsmktp20@gmail.com

Ruj. Kami: SMKTP(PIBG).100-13/1/4 (03)

Tarikh : 22 April 2021

Kepada:
Semua Ibu Bapa / Penjaga
SMK Tiara Permai
Kuala Lumpur

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN PELAKSANAAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERSATUAN IBU BAPA DAN GURU SMK TIARA PERMAI KALI KE-3

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas dan surat SMKTP(PIBG).100-13/1/4 (01) bertarikh 7 April 2021.

2. Untuk makluman YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan, Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SMK Tiara Permai (SMKTP) kali ke-3 akan diadakan secara dalam talian menggunakan medium Youtube Channel melalui pautan <https://www.youtube.com/watch?v=6L0VsawD5TE>. Pendaftaran mesyuarat akan bermula pada pukul 9.30 pagi dan pautan pendaftaran mesyuarat akan diberikan melalui ruangan *chat* di Youtube Channel dan buku mesyuarat akan diedarkan secara dalam talian dalam bentuk *soft copy pdf dan anyflip*. MAT PIBG SMKTP kali ke-3 akan bermula pukul 10.00 pagi.

3. Sehubungan dengan itu, dimohon YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan bersedia di lokasi masing-masing dengan peranti yang sesuai. Bagi yang menggunakan telefon bimbit, pihak Jawatankuasa Teknikal MAT PIBG telah menyediakan manual penggunaan telefon bimbit seperti di lampiran sebagai panduan.

4. Berdasarkan garis panduan pelaksanaan MAT PIBG, hanya AJK PIBG sesi 2019/2020, barisan pentadbir sekolah dan Jawatankuasa Teknikal akan berada bersama di lokasi yang telah ditetapkan iaitu Pusat Sumber Sekolah SMK Tiara Permai.

5. Bagi pemilihan dan pelantikan Ahli Jawatankuasa PIBG sesi 2021/2022, proses pencalonan telah selesai dilaksanakan secara dalam talian. Proses pemilihan dan pengundian juga akan dilaksanakan secara dalam talian menggunakan medium *google form* melalui pautan <http://gg.gg/UNDIPIBGSMKTP>. **Proses undian dan pautan akan dibuka pada 23 April 2021 (Jumaat) bermula pukul 8.00 pagi dan undian akan ditutup tepat pukul 5.00 petang pada hari yang sama.** Sehubungan dengan itu, dimohon kerjasama YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan untuk melaksanakan tanggungjawab ini.

6. Untuk pengetahuan YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan, pihak PIBG juga menerima beberapa usul yang memerlukan undian dan persetujuan semua ahli PIBG bagi pelaksanaannya. **Undian usul ini akan dilaksanakan secara dalam talian menggunakan medium STRAWPOLL semasa mesyuarat berlangsung.**

7. Semoga dengan kehadiran YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan dalam MAT PIBG SMKTP kali ke-3 secara dalam talian dapat membawa PIBG SMKTP berada dalam satu wawasan menuju kecemerlangan dan mencapai objektif penubuhannya.

8. Sebarang pertanyaan mengenai MAT PIBG ini, YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan boleh menghubungi Setiausaha PIBG, Cik Nurfarah Fathiah binti Ahmad Fauzi di talian 019-460 8511 atau Ketua Jawatankuasa Teknikal, Encik Mohd Mazwan bin Othman di talian 019-213 8859.

Perhatian dan kerjasama YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.


"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"
"SATU WAWASAN MENUJU KECEMERLANGAN"

Saya yang menjalankan tugas,




(NURFARAH FATHIAH BINTI AHMAD FAUZI)
Setiausaha
PIBG SMK Tiara Permai
Kuala Lumpur

SETTING E-MEL PADA YOUTUBE




1) Klik SIGN IN
pada YouTube.

(Boleh gunakan mana-
mana e-mel gmail atau
moe)



2) Jika sudah SIGN IN
akan tertera dibahagian
atas sebelah kanan.
Untuk menaip pada
ruangan chat akan
tertera nama pada
akuan e-mel yang telah
di SIGN IN tadi.



SETTING LIVE CHAT DI TELEFON






SEKIRANYA e-mel
TERSEBUT BELUM
PERNAH DIGUNAKAN

Klik CREATE A
CHANNEL TO JOIN
THE CHAT

- 1) Tuliskan nama penuh anda.(untuk senang dikenali)
- 2) CREATE CHANNEL
- 3) Nama anda sudah boleh mula untuk chat pada ruangan live chat.




SETTING STREAMYARD DI TELEFON



SEKIRANYA ANDA INGIN
BERCAKAP MELALUI
STREAMYARD DAN
MENGHADAPI MASALAH
MIC DAN CAMERA.


- 1) Klik icon KUNCI
(sebelah kiri bahagian
atas)
- 2) Klik SITE SETTINGS
- 3) Klik pada access
camera dan microphone
(pilih allow)

SETTING KUALITI GAMBAR



SEKIRANYA MENGGUNAKAN LAPTOP:

- 1) Klik SETTING (butang gear) sebelah kiri dibahagian bawah
- 2) Pilih QUALITY
- 3) Pilih 720p



SEKIRANYA MENGGUNAKAN TELEFON:

- 1) Klik 3 titik (sebelah kanan bahagian atas)
- 2) Pilih QUALITY
- 3) Pilih 720p